

03/12/1999

Lima perjanjian bernilai RM300j

Ebi Azly Abdullah; Wan Jailani Razak; Abdul Halim Yusoff

LANGKAWI, Khamis - Syarikat aeroangkasa tempatan hari ini menandatangani empat kontrak ketenteraan dan sebuah perjanjian rakan kongsi dengan firma aeroangkasa terkemuka dunia, bernilai sekurang-kurangnya RM300 juta.

Kontrak ketenteraan itu, yang terbesar ditandatangani sehingga kini, adalah bagi pemasangan bahagian pesawat tentera dan komersil untuk kegunaan tempatan dan antarabangsa.

Perjanjian pertama ialah di antara SME Aerospace Sdn Bhd dan BAE Systems dari United Kingdom, untuk pemasangan komponen pesawat BAE Regional Jet, bernilai kira-kira RM45 juta untuk tempoh 10 tahun.

Perjanjian kedua ialah di antara SME Aerospace dan Alenia Aerospazio dari Itali, bagi pengeluaran komponen pesawat Alenia bernilai RM10 juta untuk tempoh tiga tahun.

Perjanjian ketiga ialah di antara SME Aerospace dan ShinMaywa Industries dari Jepun, bagi pengeluaran komponen B757 dan B767, dianggarkan bernilai RM2 juta.

Perjanjian keempat pula membabitkan Kerajaan Malaysia dan Airod Sdn Bhd, bagi program menaikkan taraf pesawat C-130H Hercules milik Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) bernilai RM200 juta.

Bagi perjanjian rakan kongsi, ia ditandatangani di antara Composites Technology Research Malaysia (CTRM) dan BAE Systems bagi pengeluaran komponen sayap pesawat Airbus Industrie.

Menyaksikan majlis menandatangani perjanjian berkenaan ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Terdahulu, Dr Mahathir berkata, pemberian kontrak berkenaan kepada syarikat tempatan, adalah bukti kemampuan industri aeroangkasa tempatan untuk bersaing di peringkat dunia.

Menurut beliau, sektor pengeluaran aeroangkasa tempatan menerima tempahan lebih AS\$40 juta (RM152 juta) dengan saiz industri meningkat kepada pembuatan komponen pesawat lebih besar, berbanding beberapa tahun lalu.

(END)